

A photograph of a man wearing a blue t-shirt and black shorts, using a white robotic exoskeleton on a black treadmill. He is secured with a grey harness and a red safety strap. The exoskeleton has a white knee brace labeled 'CYBERDINE'. In the background, there are other medical equipment and a person in a blue uniform.

PERKESO

Prihatin

Februari 2024

Teknologi
Pusat Rehabilitasi
PERKESO
cetus revolusi

Implementasi teknologi canggih gandakan prestasi

Pandemik COVID-19 yang membabai Malaysia, empat tahun lalu mencetuskan pelbagai kesan ketara, termasuk penembusan kadar digitalisasi dan penggunaan teknologi dalam rangkaian perkhidmatan. Mengikut perangkaan Forum Ekonomi Dunia (WEF), Malaysia antara 10 negara utama di dunia yang merekodkan pertumbuhan luar biasa kadar digitalisasi dan perubahan teknologi, sehingga menyaksikan beberapa sektor seperti e-dagang mengalami anjakan berlipat kali ganda.

Menerusi sudut pandang keselamatan sosial, keberadaan dan penggunaan teknologi ke arah digitalisasi adalah umpama ‘pintu ajaib’ yang menjelmakan tahap perkhidmatan, setanding gambaran pada masa depan dalam tempoh paling singkat. Bukan sekadar masa, wang dan tenaga manusia dijimatkan, malah dambaan kemajuan ini memacu keberkesanan komunikasi serta penyiaran faedah jaringan keselamatan sosial.

Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan PERKESO menerusi penerapan teknologi digital seperti aplikasi PERKESO Prihatin yang menyediakan maklumat keselamatan sosial secara langsung kepada Orang Berinsurans (OB) adalah contoh terbaik. Dengan pendigitalan perkhidmatan, pemprosesan kes faedah keselamatan sosial menjadi lebih lancar, selain menyaksikan aplikasi ini seakan berfungsi sebagai pejabat ke-55 PERKESO.

Selain itu, sistem keselamatan sosial yang bersepada berupaya diwujudkan melalui komunikasi dan perkongsian maklumat, hasil daripada asimilasi teknologi, termasuk membabitkan kes faedah keselamatan sosial di antara agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi Program Sinergi Sosial. Dengan penggunaan aplikasi Sahabat Prihatin, hebahan maklumat dan proses



Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

penyaluran kes, sama ada dari platform media massa atau orang awam, mampu dilaksanakan secara terus.

Kesan limpah ledakan teknologi juga menambahbaik faedah keselamatan sosial seperti perkhidmatan rehabilitasi, bagi meningkatkan keupayaan pekerja yang tercedera untuk kembali bekerja. Teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam portal MYFutureJobs kendalian PERKESO antara lain mengubah dinamika pemandangan pencari kerja dengan tawaran kerjaya. Barangkali benar, akses perkhidmatan dengan hanya petik jari, kini bukan lagi mimpi di siang hari.



Lawatan rasmi pertama

Menteri Sumber Manusia ke PRPTAR

Pusat rawatan PERKESO yang mengintegrasikan rehabilitasi secara holistik.

Secara purata dua daripada tiga individu terbencana yang menjalani rawatan di Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Tun Abdul Razak (PRPTAR) di Melaka berjaya pulih.

Menurut Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Steven Sim Chee Keong, berdasarkan rekod seramai 15,214 individu telah menerima rawatan di pusat rehabilitasi milik PERKESO tersebut.

Tambah beliau, komitmen itu adalah manifestasi kementerian dalam memperjuangkan kebijakan pekerja di negara ini bertepatan tiga indikasi utama yang merangkumi pengukuran kebijakan pekerja, peningkatan kemahiran dan keberhasilan pekerja.

"Rawatan di PRPTAR bukan hanya meliputi pencarum PERKESO dari segenap golongan, bahkan bukan pencarum juga layak menjalani



pemulihan di sini melalui pembiayaan sendiri dalam usaha untuk mereka bangkit semula," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan sulung ke PRPTAR di Melaka.

Hadir sama ialah Ketua Menteri Melaka,

Lihat sebelah

Dari sebelah

Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Hj Abdul Rahman Mohamad; Pengurus Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Pengarah Eksekutif PRPTAR, Datuk Dr. Hafez Hussain.

Secara ringkas, pusat rehabilitasi pertama di Malaysia dan Asia Tenggara itu mengintegrasikan rehabilitasi perubatan dan latihan vokasional sejak dibuka pada Oktober 2014.

Pada lawatan kerja tersebut YB Menteri turut dibawa meninjau operasi Klinik Rehabilitasi Neuro Robotik dan Cybernics pertama di Asia Tenggara yang mula beroperasi pada Ogos 2023.

"Ia merupakan program baharu ditawarkan PERKESO dengan penggunaan teknologi neurorobotik terkini seperti *Robot Suit HAL (Hybrid Assistive Limb)* dan terapi neuromodulasi.

"Terapi neuromodulasi pertama seumpama ini di Malaysia adalah rawatan rangsangan kepada otak dan sistem saraf yang berupaya menghasilkan laluan saraf baharu atau



memperbaiki laluan saraf yang terjejas akibat kecederaan atau penyakit," jelas beliau lanjut.

Sementara itu, pada kesempatan tersebut YB Menteri turut meluangkan masa bermesra dengan beberapa pesakit yang sedang menjalani rawatan pemuliharaan di PRPTAR.



Perkhidmatan rehabilitasi berorientasikan neurorobotik

Pusat Rehabilitasi PERKESO telah ditubuhkan untuk memulihkan golongan pekerja yang terbencana agar dapat berdikari, berintegrasi dalam masyarakat dan seterusnya kembali bekerja, menerusi pemulihan fizikal dan vokasional.

PRPTAR di Melaka merupakan pusat rehabilitasi yang pertama dan terbesar di rantau Asia Tenggara mengintegrasikan rehabilitasi perubatan dan vokasional serta program *Return to Work*.

Ia turut mempunyai empat buah pusat satelit di Kuala Lumpur, Shah Alam, Selangor; Kuala Terengganu, Terengganu dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor.


Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, perkhidmatan rehabilitasi disediakan adalah berasaskan Pengurusan Hilang Upaya yang memberi fokus kepada rancangan rehabilitasi komprehensif, intensif dan mengikut keadaan fizikal serta matlamat individu.

“Ia juga dilengkapi pelbagai kemudahan dan peralatan rehabilitasi berteknologi tinggi demi mengoptimumkan pemulihan pesakit dan mencapai matlamat untuk kembali bekerja atau berdikari.”

Beliau menambah, secara purata, kira-kira 70 peratus yang menjalani rehabilitasi berjaya dipulihkan dan kembali bekerja.

Katanya, pusat rehabilitasi itu turut menyediakan kemudahan latihan vokasional bagi pemerkasaan kebolehpasaran buruh dengan menawarkan modul vokasional mencakupi jahitan, kulinari, pengurusan pejabat dan lain-lain.

“Ia bertujuan menyediakan kemahiran melalui *reskilling* dan *upskilling* bagi meningkatkan kebolehpasaran buruh.




Pusat Rehabilitasi PERKESO menawarkan perkhidmatan rehabilitasi yang holistik kepada golongan rentan, termasuk pencarum dan bukan pencarum.

Sejak mula beroperasi pada 1 Oktober 2014 dan sehingga kini, lebih 15,250 individu telah menjalani rehabilitasi di Pusat Rehabilitasi PERKESO.

“Perkhidmatan sokongan lanjutan seperti lawatan ke rumah (*home visit*), telerehabilitasi, bantuan alatan pemulihan dan latihan penjagaan pesakit untuk ahli keluarga atau penjaga turut diberi kepada mereka yang mempunyai limitasi tahap keupayaan,” ujarnya.

Hab perkhidmatan rehabilitasi Asia

Menariknya, pusat berkenaan menempatkan Klinik Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics yang dilengkapi dengan peralatan *Robot Suit HAL*, iaitu teknologi neurorobotik dari Cyberdyne, Jepun. Ia merupakan yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara serta keempat di dunia menawarkan perkhidmatan Cyberdyne



Mula beroperasi sejak **November 2018**, lebih 2,200 individu dengan **kecederaan saraf tunjang, strok, neuro, traumatic brain injury (TBI) dan musculoskeletal disorders (MSD)** telah menjalani **rehabilitasi neuro-robotik** menggunakan peralatan **HAL** dan rawatan **Cybernics**. Daripada jumlah tersebut, hampir **60 peratus** berjaya pulih dan kembali bekerja.



**DATUK DR.
HAFEZ HUSSAIN**
Pengarah
Eksekutif PRPTAR

Terapi neuromodulasi yang pertama seumpamanya di Malaysia sebagai rawatan sinergistik kepada rawatan Cybernics HAL sedia ada.

Dari sebelah

HAL berdasarkan teknologi Cybernics kepada individu mengalami kecederaan saraf tunjang atau otak seperti lumpuh, penyakit neurodegeneratif dan sebagainya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif PRPTAR, Datuk Dr. Hafez Hussain berkata, *Robot Suit HAL* merupakan robot jenis *cyborg* pertama di dunia dibangunkan Presiden dan CEO Cyberdyne, Prof. Dr. Yoshiyuki Sankai.

"Robot suit ini berupaya memulihkan, menyokong dan meningkatkan tahap kefungsian mobiliti anggota kaki pesakit apabila dipakai. *Robot Suit HAL* ini berfungsi berdasarkan teknologi Cybernics yang


menggabungkan interaksi antara manusia, robot dan informasi," ujarnya.

Dr. Hafez memberitahu, walaupun otot kaki tidak dapat membalsas isyarat daripada otak yang mengarahkannya untuk berjalan, *robot suit* mampu mempercepatkan proses pembelajaran untuk berjalan semula melalui kerjasama antara otak dengan otot.

"Teknologi Cybernics memberi harapan baharu bagi individu yang mengalami kecederaan saraf tunjang, strok atau keadaan neurologi lain.

Ujarnya, dengan adanya teknologi Cyberdyne HAL, ia dapat memberi impak yang lebih

Jenis perkhidmatan Cyberdyne HAL	Kelebihan
Lower Limb	Membantu individu lumpuh memperoleh semula keupayaan untuk berjalan.
Single Joint	Menguatkan otot kaki dan tangan.
Lumbar	Menguatkan otot tulang belakang. Meningkatkan keupayaan melakukan aktiviti industri seperti mengangkat bebanan.



Kecederaan pada sistem saraf (otak dan saraf tunjang) akan menyebabkan **isyarat** dan arahan daripada otak tidak dapat disampaikan secara efektif kepada **otot-otot** bagi menghasilkan pergerakan motor untuk berjalan. Dalam keadaan ini, isyarat yang dihantar kepada otot tersebut pada permukaan kulit sebagai isyarat yang sangat lemah dikenali sebagai isyarat bio-elektrik (BES).

"Cyberdyne HAL dapat mengesan **isyarat bio-elektrik** yang lemah ini melalui pemasangan **elektrod** pada permukaan otot-otot kaki lalu menganalisa isyarat berkenaan melalui sistem kawalan pada **robot suit**."

signifikan dalam proses pemulihan pesakit dan membolehkan mereka untuk kembali bekerja awal.

Dr. Hafez memberitahu klinik tersebut juga menawarkan terapi neuromodulasi yang pertama seumpamanya di Malaysia sebagai rawatan sinergistik kepada rawatan Cybernics HAL sedia ada.

"Neuromodulasi adalah satu kaedah rawatan yang memberikan rangsangan kepada otak

serta sistem saraf dan menghasilkan laluan saraf yang baharu atau memperbaiki laluan saraf yang terjejas akibat kecederaan atau penyakit.

"Kombinasi intervensi rawatan tersebut dengan kaedah rehabilitasi berteknologi moden seperti Cyberdyne HAL dapat meningkatkan keberkesanan proses rehabilitasi dan tahap kefungsian bagi pesakit yang mengalami masalah *neurological*," katanya.

Lokasi Pusat Rehabilitasi PERKESO seluruh Malaysia

Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik & Cybernics Kebangsaan PERKESO Meru, Perak*

Pusat Rehabilitasi PERKESO Kuala Terengganu

Pusat Rehabilitasi PERKESO Wilayah Timur, Setiu, Terengganu*

Pusat Rehabilitasi PERKESO Quill City Mall, Kuala Lumpur

Pusat Rehabilitasi PERKESO Fit-Port Tanjung Pelepas, Johor

Pusat Rehabilitasi PERKESO Shah Alam, Selangor

Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak, Melaka

*Dalam Perancangan dan Pembangunan

Pencarian kerja PERKESO lebih efisien dengan Kecerdasan Buatan (AI)

Seiring dengan kemajuan teknologi dengan menggunakan kecanggihan Kecerdasan Buatan (AI), PERKESO dapat memastikan kualiti pekerjaan yang dicari oleh pekerja dapat memenuhi kriteria yang diinginkan.

PERKESO melalui laman web carian pekerjaan MYFutureJobs telah menawarkan sebanyak lebih 10 juta kekosongan jawatan sejak tahun 2020.

Menurut data yang dikongsi, setakat tahun ini sahaja sebanyak 39,920 jumlah kekosongan jawatan telah ditawarkan melalui portal MYFutureJobs.

"Portal MYFutureJobs menitikberatkan padanan pekerjaan berdasarkan kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh pencari kerja kepada keperluan majikan," kata Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, Azziruan Arifin.

Bagi pencari kerja yang masih tidak dapat memastikan minat dalam kerjaya yang spesifik, portal MYFutureJobs juga menyediakan ruangan penilaian psikometrik yang dapat mengukur minat dan kemahiran bagi



AZZIRUAN ARIFIN
Ketua Pejabat
Sistem Insurans
Pekerjaan (SIP)
PERKESO

Portal ini menawarkan 911,114 kekosongan jawatan dari bidang TVET sepanjang tahun lalu.

memastikan kesesuaian kerjaya yang diingini.

Menurut Azziruan, keunikan laman web tersebut termasuklah fungsi pegawai kes yang memberi bantuan kepada pencari kerja dan majikan yang memerlukan sokongan penggunaan portal.

Antara majikan atau syarikat yang menawarkan pekerjaan melalui portal MYFutureJobs termasuklah kementerian dan agensi kerajaan di bawah program MySTEP syarikat minyak dan gas, syarikat swasta, syarikat telekomunikasi dan syarikat makanan segera.

Sebagai sebuah portal yang menitikberatkan kemahiran dan kompetensi sebagai salah satu kriteria penting dalam padanan pekerjaan, portal ini juga menawarkan lebih 900,000 kekosongan jawatan di sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Ini merangkumi 45.49 peratus dari jumlah keseluruhan jawatan bagi tahun tersebut."

"Bagi bidang TVET, industri pembuatan dan pembinaan adalah antara industri yang tertinggi dalam menawarkan peluang pekerjaan seperti

The screenshot shows a job listing for 'MySTEP kini di MYFutureJobs'. It includes a photo of two people, a man and a woman, looking at a laptop. The text on the page says: 'Berkuat kuasa mulai tahun 2024, permohonan MySTEP sepenuhnya melalui MYFutureJobs. Duitan MYFutureJobs dan monitori jasman MySTEP di Kementerian dan Agenzia Kerjaya seluruh Malaysia.'

Tidak seperti platform pencarian kerja yang lain, portal MYFutureJobs juga menyediakan satu ciri yang dapat memberi gambaran kepada laluan kerjaya (career path) untuk pencari kerja.



GAJI

PANDUAN GAJI: PEREKA GRAFIK

<https://eiscentre.perkeso.gov.my/wage-guide/>



pemasang peralatan elektronik dan pengimbal.

"Sebagai platform dalam talian untuk pencarian dan pemadanan pekerjaan, MYFutureJobs merapatkan jurang permintaan bekalan antara pencari kerja dan majikan pada satu platform.

"Dengan menampilkan AI dan teknologi padanan berdasarkan kemahiran, proses pemadanan MYFutureJobs melibatkan pemprofilan MYFutureJobs yang komprehensif," menurut beliau.

Dengan mengambil kira kemahiran pencari kerja berdasarkan profil yang diisi, laman web tersebut akan memadankannya dengan kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu kekosongan jawatan.

Dalam menambah nilai perkhidmatan pencarian kerja, PERKESO juga telah memperkenalkan sebuah ciri yang dapat mengenalpasti petunjuk gaji yang ditawarkan mengikut pasaran.

"Dengan menggunakan data pentadbiran yang sedia ada dalam PERKESO, *Wage Guide* ini dapat dibangunkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan kaji selidik yang dijalankan ke atas pekerja.

Untuk memaksimumkan penggunaannya, portal MYFutureJobs terbuka kepada semua pencari kerja dan majikan di seluruh Malaysia tanpa sebarang kos.

"*Wage Guide* boleh digunakan sebagai rujukan oleh pelbagai lapisan pengguna seperti pelajar, pencari kerja, pekerja, majikan dan penyelidik untuk mengetahui tahap penawaran gaji bagi pekerjaan dan perancangan kerjaya sepanjang tahun bekerja di lokasi dan industri yang berbeza," kata Azziruan.

Pada masa ini, pengguna boleh mendapatkan maklumat penggajian untuk lebih 200 jenis pekerjaan melalui *Wage Guide*.

Dalam membela nasib pekerja yang kehilangan punca mata pencarian, PERKESO melalui Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) memberi peluang kepada pekerja yang mencarum untuk kembali ke pasaran pekerjaan.

"Orang Berinsurans (OB) yang memohon SIP akan menerima bantuan pekerjaan semula dari Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan (ESO).

Aplikasi Prihatin PERKESO tawar kemudahan di hujung jari

Melalui aplikasi Prihatin PERKESO, pencarum boleh mendapatkan informasi terkini mengenai caruman dan pelbagai kemudahan yang ditawarkan.

Bergelar usahawan dan pempengaruh, Nadia Noraz memanfaatkan sepenuhnya aplikasi Prihatin PERKESO.

"Saya sangat gembira apabila terjumpa Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO melalui aplikasi Prihatin PERKESO. Ia menyediakan perlindungan terhadap kecederaan pekerja dan juga kebimbangan kewangan," ujar Nadia melalui satu perkongsian video di laman Facebook.

Ketua Pegawai Strategi & Transformasi PERKESO, Edmund Cheong Peck Huang berkata, SKSPS diwujudkan untuk memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017.

Skim ini memberi perlindungan kepada Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS) daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan.

Bencana Pekerjaan Sendiri bermaksud kecederaan diri pada OBBS yang disebabkan oleh suatu kemalangan atau suatu penyakit pekerjaan akibat daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaan sendirinya termasuk semasa dalam perjalanan yang berkaitan dengan aktiviti pekerjaan sendirinya.

Penyakit Pekerjaan pula adalah penyakit yang berpunca atau terbit daripada pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual Kelima Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Skim ini menyediakan faedah tunai kepada OBBS dan tanggungannya di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional.



Aplikasi Prihatin PERKESO ini sangat senang digunakan. Ia boleh diakses melalui pelbagai jenis peranti, sama ada telefon pintar, tablet ataupun komputer riba. Paling penting ia sangat efisien. Anda boleh menguruskan faedah PERKESO dengan lancar. Oleh itu, pastikan anda memuat turun aplikasi Prihatin ini dan terokainya sendiri."

NADIA NORAZ
Usahawan dan Pempengaruh.



Chatbot Hanna sentiasa bersedia membantu anda yang mempunyai sebarang soalan mengenai PERKESO.

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia / pemastautin tetap tanpa had umur
- Individu menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri
- Bekerja sepenuh masa atau separuh masa
- Orang Bekerja Sendiri (OBS) di Malaysia

APA ITU SKSPS PERKESO?

- Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) adalah satu bentuk perlindungan kepada individu bekerja sendiri yang mencarum di bawah skim, bermula dari tarikh dan masa caruman dibayar dan diperakui menerusi resit bayaran caruman.



SIAPA YANG LAYAK MENCARUM?

- Pada mulanya, skim ini diwajibkan ke atas Sektor Pengangkutan Penumpang iaitu pemandu teksi, e-hailing dan pemandu bas di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.
- Mulai 1 Januari 2020, perlindungan SKSPS telah diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang lain iaitu:

- | | | |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ● Pengangkutan Barang dan Makanan ● Pertanian ● Perniagaan Online ● Perikanan ● Makanan | <ul style="list-style-type: none"> ● Pembuatan ● Pembinaan ● Penjaja ● Premis Penginapan ● Teknologi Maklumat ● Pemprosesan Data | <ul style="list-style-type: none"> ● Ejen ● Perkhidmatan Profesional ● Perkhidmatan Sokongan ● Kesenian ● Perkhidmatan Ibu Rumah ● Penjagaan Perawatan dan Pemulihian Kesihatan |
|---|--|---|

TATA PENDAFTARAN AKAUN DI APLIKASI PRIHATIN

LANGKAH 1
Muat turun aplikasi Prihatin di **Apple App Store** atau **Google Play Store**.



LANGKAH 2
Klik pada **tiga garisan melintang** di sebelah kanan skrin.

LANGKAH 3
Klik pada **Daftar Akaun** untuk mendaftar di aplikasi Prihatin.

LANGKAH 4
Lengkapkan jenis ID, nombor kad pengenalan, nama, e-mel, nombor telefon dan klik pada butang **Seterusnya**.

LANGKAH 5
Sila semak mesej dan masukkan nombor **OTP** yang diberikan.

LANGKAH 6
Selepas akaun berjaya dicipta, sila semak emel untuk mengaktifkan akaun.

LANGKAH 7
Klik pada pautan di dalam e-mel sebagai pengesahan.

LANGKAH 8
Anda kini boleh log masuk di aplikasi Prihatin.

Imbas kod QR



Pusat Rehabilitasi PERKESO beri sinar kepada pesakit



Muhammad Idham Rahim merupakan antara ribuan pesakit yang menjalani rawatan pemuliharaan di Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak (PRPTAR).

Lelaki berusia 33 tahun itu mula menjalani proses rehabilitasi sejak lima bulan lalu berikutan mengalami kecederaan *Tuberculosis Spine T7-T8* dan *Paraplegia*.

Putus harapan

Mengimbas kembali detik hitam hidupnya, Muhammad Idham memberitahu pada bulan April tahun lalu dia terjatuh di bilik air dalam keadaan terduduk.

"Selepas kejadian tersebut, saya terus

mengalami rasa kebas pada bahagian pinggang sehingga ke kaki malah tidak dapat bangun.

"Dunia menjadi gelap apabila tidak dapat menjalani kehidupan seperti manusia biasa. Saya patah hati malah memencarkan diri tidak bergaul dengan orang kerana terpaksa menggunakan kerusi roda," ujarnya.

Lelaki berasal dari Melaka itu memberitahu, doktor memaklumkan dia mempunyai peluang 50-50 untuk pulih semula apabila menjalani pembedahan.

Bagaimanapun, katanya, doktor di Hospital Melaka mengesyorkan masuk PRPTAR selepas menunjukkan perkembangan positif semasa proses pemuliharaan.

MUHAMMAD IDHAM RAHIM

Saya sangat bersyukur mengambil keputusan menjalani rehabilitasi di PRPTAR kerana kemudahan yang disediakan moden dan berteknologi tinggi.



"Saya sangat bersyukur mengambil keputusan menjalani rehabilitasi di PRPTAR kerana kemudahan yang disediakan moden dan berteknologi tinggi.

"Saya dapat merasai perkembangan positif pada diri melalui perancangan terperinci yang dilaksanakan melalui program pemulihan dalam tempoh lima tahun ini," ujarnya.

Pereka landskap itu berkata, beliau sudah mampu bangun dan berjalan menggunakan tongkat. Bahkan, beliau mula kembali hidup bermasyarakat, bergaul dengan sahabat handai.

Menyentuh mengenai proses pemulihan, beliau menjalani program yang dirangka selama lima hari seminggu untuk tempoh dua jam sehari.

Nilai kesihatan dalam kehidupan


Dalam pada itu, seorang pesakit bernama Nelson Stanislas tidak pernah terlintas di fikirannya akan berdepan kesukaran ketidakupayaan untuk berjalan selepas mengalami kecederaan pada bahagian tulang tunjang.

Berita sedih berkenaan disahkan doktor apabila memaklumkan Nelson mengalami kecederaan saraf tunjang selepas menjalani ujian Pengimejan Resonan Magnetic (MRI).

Selepas mengambil keputusan melakukan pembedahan, lelaki berasal dari Batu Pahat, Johor itu mengalami kesukaran ketidakupayaan untuk berjalan malah terlantar di katil hospital.

NELSON STANISLAS

Saya nekad berusaha bersungguh-sungguh dalam menjalani rawatan komprehensif agar dapat pulih semula.



Pada awal tahun 2023, Nelson telah dirujuk untuk menjalani rawatan intensif selama hampir lima bulan di PRPTAR.

Berbekalkan semangat dan sikap tidak mudah berputus asa, beliau membulatkan hati untuk memastikan mampu kembali menikmati kehidupan harian.

"Saya memasuki PRPTAR pada hari pertama dengan menggunakan khidmat ambulans berikutan masih dalam keadaan terlantar dan tidak mampu bergerak.

"Bagaimanapun, saya nekad berusaha bersungguh-sungguh dalam menjalani rawatan komprehensif agar dapat pulih semula," imbas lelaki berusia 57 tahun itu.

Nelson menambah, ahli-ahli terapi yang profesional dan mesra pesakit banyak membantu malah menguatkan semangat sepanjang proses rehabilitasi.

Antara rawatan intensif dijalani Nelson termasuk menggunakan peralatan robotik seperti Cyberdyne, Vibramoov Pro, Luna EMG, PelmaMotus dan yang memberi tumpuan kepada kecederaan saraf tunjang.

"Saya berharap sesiapa menjalani rehabilitasi untuk memanfaatkan peluang tersebut kerana persekitaran di PRPTAR sangat baik."

Nelson berbangga dengan hasil usaha tidak mengangkat bendera putih apabila kembali menggalas tugas sebagai pekerja am di Bengkel Seri Sembilan, Siliau, Negeri Sembilan.

Sama ada di pusat rehabilitasi mahupun di rumah, peratusan untuk sembah adalah lebih tinggi sekiranya latihan dilakukan secara berterusan dengan disiplin dan konsisten.




AUTA: Program rehabilitasi hanya dianjurkan di Pusat Rehabilitasi PERKESO dan pesakit harus berada secara fizikal setiap kali sesi berlangsung.

FAKTA: Pusat Rehabilitasi PERKESO turut menawarkan sesi telerehabilitasi. Pesakit akan dibimbing secara dalam talian bersama jurulatih bertauliah yang memberi panduan latihan asas dan senaman ringkas untuk dilakukan di rumah.

AUTA: Perlu berbelanja untuk membeli pelbagai peralatan senaman bagi menjalani latihan rehabilitasi sendiri di rumah.

FAKTA: Tidak perlu! Tanpa sebarang penggunaan alatan senaman pesakit masih boleh menjalani senaman ringkas dan kekal cergas dengan melakukan aktiviti harian di rumah mengikut tahap keupayaan masing-masing.



AUTA: Lebih sukar melakukan sesi rehabilitasi di rumah berbanding di pusat rehabilitasi di mana terdapat bimbingan daripada tenaga kerja profesional.

FAKTA: Bagi mereka yang tidak berupaya ke pusat rehabilitasi, pihak PERKESO menyediakan sesi telerehabilitasi bagi membantu pencarum untuk kembali pulih dan berdikari sehingga mampu kembali bekerja.